

Qalam

KDN. 2645 M.C. (P) 2577

Rabi' al-Awwal 1387 – Julai 1967

Bilangan 204 60 sen.

Mengapa?

Di dalam masa yang akhir-akhir ini, kita melihat bahawa kerajaan Singapura dengan baiknya, dengan kebijaksanaannya telah meraikan agama-agama di sini dengan membenarkan tradisi mereka boleh dijalankan dan dilakukan dan bukan sahaja kepada agama Islam tetapi kepada lainnya.

Di dalam memasuki minggu yang kedua bulan Jun ini suatu perarakan menggunakan lori-lori dari Universiti Singapura telah diadakan di bandar dengan rapi dan teratur dan di dalamnya diadakan juga pungutan-pungutan derma bendera. Demikian juga di dalam Hari Wesak dan di dalam perayaan-perayaan agama yang lain, kerajaan dengan baik membenarkan yang demikian itu – ertinya meraikan segala kehendak-kehendak yang bersifat keagamaan. Tetapi yang demikian ini malang bagi kaum Muslimin. Nampaknya sesudah terjadi peristiwa Mawlid al-Nabī beberapa tahun yang lampau yang masanya bergolak dengan keadaan perselisihan mengenai dengan meruntuhkan rumah-rumah di Roche, semenjak daripada itu maka kerajaan tidak membenarkan kaum Muslimin mengadakan perarakan-perarakannya dan tidak itu sahaja, tetapi di dalam masa-masa yang akhir ini, di dalam tahun ini, menurut punca-punca yang mengetahui, apabila Jawatankuasa Mawlid Kaum Muslimin Singapura meminta “ihsan” kerajaan bagi mengadakan

perjumpaan mawlid di Geylang Serai, iaitu di dalam pasar yang belum dipakai – tempat yang berkepung dan berkandang, pihak kerajaan menyatakan dukacita tidak membenarkan dengan sebab keadaan-keadaan.

Sebelum itu, pada hari Ahad 11 haribulan Jun, Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew telah melawat Geylang Serai dan disambut dengan meriah oleh penduduk kampung di situ yang kebanyakannya daripada kaum Muslimin. Tidak ada satu-satu kejadian atau rusuhan yang terjadi, tidak ada didengar kata-kata atau sumpah seranah yang dilakukan atau dibuat oleh orang terhadap beliau dan tidak ada perbuatan-perbuatan yang kasar dan curang dihadapkan kepada beliau bahkan mereka menyambut dengan baik dan gembira.

Dengan keadaan peristiwa-peristiwa ini mungkin menimbulkan suatu pertanyaan kepada kebanyakan kaum Muslimin bahkan mungkin bukan sahaja pertanyaan tetapi mungkin menimbulkan pula syak wasangka di dalam dada mereka apakah ertinya ini iaitu agama-agama lain dibenarkan mengadakan perarakan, dan Perdana Menteri membuktikan sendiri di dalam kawasan itu berada aman dan damai tetapi kepada mereka mungkin disangka kalau mengadakan perarakan-perarakan atau upacara-upacara agama mereka boleh jadi akan menimbulkan huru-hara? Atau adakah nampaknya ada pandangan begini daripada kerajaan terhadap kepada orang-orang Islam atau adakah boleh jadi disengaja diberi pandangan dan supaya orang boleh menyangka bahawa umat Islam yang berada di Singapura ini tukang pembuat kekacauan?

Peristiwa-peristiwa yang berlaku berkenaan Natrah dan peristiwa-peristiwa yang berlaku berkenaan dengan Mawlid al-Nabī, menurut pandangan kita, tidak akan terjadi kalau mereka tidak dikacau orang dan sebab itu tidak sewajarnya dengan sebab-sebab yang demikian telah berlaku umat

Islam dihalang dan tidak dibenarkan tetapi patut diberi jalan dan patut digalakkan dan dibenarkan melalui tempat-tempat umpamanya kalau berarak di kawasan-kawasan orang Islam sendiri, mengadakan perayaan-perayaan mawlid di tempat orang-orang Islam sendiri seperti di Geylang Serai yang diminta itu dikawal dengan rapi sebagaimana kerajaan mengawal perarakan yang diadakan oleh penuntut-penuntut universiti dan juga oleh perarakan-perarakan agama lain. Perarakan yang dijalankan mereka tidak ada umat Islam yang mengacau dan mereka tidak mengacau kalau tidak ada orang yang mengacaunya.

Kalau benar sangkaan kita ini, kita sangat dukacita bahawa langkah yang demikian ini nampaknya harus boleh menimbulkan peringatan-peringatan kepada retak yang lalu. Umat Islam tentunya berasa, walau barang sedikit pun dan mereka mungkin berasa syak bahawa kerajaan boleh jadi memandang mereka, umat Islam itu, sebagai suatu golongan yang sentiasa suka membuat rusuhan dan kekacauan. Padahal mereka itu, aman, mereka itu suka kepada damai terbukti hingga hari ini betapa hebatnya peristiwa di Timur Tengah yang menjadikan umat Islam wajib jihad untuk mempertahankan Bait-ul Maqdis, umat Islam di sini masih tenang dan tidak mengadakan perarakan-perarakan haram sebagaimana dibuat oleh barisan Sosialis, tidak memecahkan jendela-jendela konsulat-konsulat asing tidak mengacau orang Yahudi di sini dan seumpamanya tetapi umat Islam terasa bahawa seakan-akan, sebagaimana yang ada, bahawa mereka itu seolah-olah dituduh orang yang suka mengacau.

Kita berharap pandangan yang seperti ini, sesudah Perdana Menteri sendiri mengetahui di dalam lawatannya ke Geylang Serai bahawa mereka itu orangnya ramah, orang yang